

BHARIAN
111.119
MS 21

Pemotong daging didakwa bunuh majikan

Butterworth: Seorang pemotong daging warga Indonesia dihadapkan ke mahkamah Majistret di sini, semalam, atas pertuduhan membunuh majikannya.

Tertuduh, Jonathan Sihutongb, 31, hanya menganguk sejurus kertas pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Majistret M Kalaiarasi dan tiada pengakuan direkodkan.

Tertuduh didakwa menyebabkan kematian Sia Seok Nee, 44, di kilang Toto Food Trading di Kampung Selamat, Tasek Gelugor, jam 4 petang pada 19 Disember lalu.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Aisyah Al Humayrah Kamaruzaman, manakala tertuduh diwakili peguam Ooi Peng Ling.

Jonathan juga berdepan dua lagi pertuduhan, iaitu mencederakan dua lagi pekerja kilang terbabit yang juga anak dan anak saudara Seok Nee.

Bagi pertuduhan kedua dan ketiga, tertuduh mengaku tidak bersalah.

Bagi semua pertuduhan itu, Kalaiarasi menetapkan 1 Februari ini untuk sebutan kes.